

Terma jawatan guru dikaji

PETALING JAYA 18 Julai - Kementerian Pelajaran akan mengkaji terma-perjawatan bagi mengatasi masalah kekurangan guru disebabkan kesilapan menempatkan guru mengikut bidang (opsyen).

Menteri berkenaan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (gambar) berkata, langkah itu secara langsung akan dapat mengatasi masalah siswazah menganggur terutama di kalangan mereka yang mengambil kursus perguruan.

"Kita (kementerian) akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyelaraskan terma-terma perjawatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan 2,400 buku koleksi bekas Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Dr. Goh Cheng Teik kepada Perpustakaan Tun Hussein Onn di Kolej Universiti Sunway, di sini hari ini.

Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menyegerakan proses mengisi 30,000 jawatan kosong dalam perkhidmatan awam.

Katanya, tumpuan akan diberikan bagi jawatan guru dalam mata pelajaran kritikal seperti Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil dan Pendidikan Jasmani serta jawatan dalam bidang teknologi komputer dan maklumat (ICT).

"Kajian bagi meningkatkan terma perjawatan itu perlu kerana ia turut melibatkan tanggungjawab maktab dan institusi perguruan dan institut pengajian," katanya.

Hishammuddin berkata, dengan meningkatkan terma-terma perjawatan bagi jawatan perguruan dan jawatan lain dalam kementerian ia akan membantu mengatasi masalah pengangguran terutama siswazah perguruan dalam jangka panjang.

"Ia juga dapat melahirkan guru-guru yang akan bersungguh-sungguh mengajar demi

kepentingan pelajar," katanya.

Menurutnya, kajian mengenai terma perjawatan tidak pernah dibuat sejak 1982 dan langkah itu sekaligus juga akan dapat mengatasi masalah keseimbangan guru di bandar dan di luar bandar.

Ketika berucap pada majlis itu, beliau menggesa pelajar supaya merebut peluang meningkatkan diri dalam bidang pendidikan kerana ia merupakan pelaburan jangka panjang.

Katanya, pelajar harus menyemai minat

membaca kerana ia merupakan proses memperoleh ilmu.

"Pendidikan dan membaca merupakan proses saling melengkapi bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan mampu bersaing di peringkat global," katanya.

Hishammuddin berkata, kementeriannya bekerjasama dengan Kementerian Penerangan serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi menyemarakkan minat membaca di kalangan generasi muda melalui Kempen Bulan Membaca pada bulan ini.

Menurutnya, ini kerana minat membaca di kalangan anak muda di negara ini semakin menurun.

"Pelajar perlu memanfaatkan kemudahan perpustakaan dan Pusat Sumber di sekolah bagi memupuk minat membaca untuk menimba ilmu," katanya.

Katanya, ibubapa dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) boleh memainkan peranan menggalakkan pelajar memanfaatkan perpustakaan dan Pusat Sumber bagi memupuk budaya membaca.

